



AN INVESTIGATION ON THE LONG TERM PROPERTIES OF
VARIOUS COMMODITY THERMOPLASTIC NANOCOMPOSITES
FILLED WITH ORGANO-MONTMORILLONITE

DR. CHOW WEN SHYANG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KAMPUS KEJURUTERAAN
2008



**Laporan Akhir Projek Penyelidikan
Jangka Pendek**


**An Investigation on the Long Term
Properties of Various Commodity
Thermoplastic Nanocomposites Filled
with Organo-Montmorillonite**

by

Dr. Chow Wen Shyang

Prof. Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak

Lampiran 1



Perpustakaan Kampus Kejuruteraan
Bhg. Bahan Bersiri dan Dokumen
Universiti Sains Malaysia
Kampus Kejuruteraan, Seri Ampangan
14300 Nibong Tebal, S.P.S.
PULAU PINANG.



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**LAPORAN TEKNIKAL GERAN JANGKA PENDEK USM
(USM SHORT TERM GRANT TECHNICAL REPORT)**

Nama Ketua Penyelidik : Dr Chow Wen Shyang
Nama Penyelidik Bersama : Profesor Dr Zainal Arifin Mohd Ishak
Pusat Pengajian : Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
**Tajuk Projek Penyelidikan : An Investigation on the Long Term Properties of
Various Commodity Thermoplastic Nanocomposites
Filled with Organo-Montmorillonite**
Jumlah Geran Diluluskan : RM 19110.20
Tempoh penyelidikan : 1 Ogos 2005 - 31 Julai 2007

ABSTRAK

Kajian sifat-sifat mekanikal, terma dan morfologi bagi pelbagai termoplastik terisi organo-montmorillonit telah dijalankan. Termoplastik yang dikaji termasuk polipropilena, polietilena, polistirena, dan poliamida. Nanokomposit termoplastik berpengisi organo-montmorillonit telah disediakan dengan kaedah pencampuran leburan. Dua kaedah pencampuran leburan telah dijalankan, iaitu pengekstrudan skru tunggal dan penggiling bergulung dua. Agen penserasi telah ditambahkan dalam termoplastik terisi organo-montmorillonit supaya meningkatkan interaksi dan keserasian termoplastik dengan organo-montmorillonit. Kajian mekanikal termasuk ujian tensil dan pelenturan. Sifat-sifat terma bagi nanokomposit termoplastik terisi organo-montmorillonit telah dikaji dengan analisis termogravimetrik (*Thermogravimetry Analysis-TGA*) dan kalorimetri penskanan pembezaan (*Differential Scanning Calorimetry-DSC*). Kajian mikroskopi electron penskanan (*Scanning Electron Microscopy-SEM*), mikroskopi elektron pemancaran (*Transmission Electron Microscopy-TEM*) dan mikroskopi daya atomik (*Atomic Force Microscopy-AFM*) telah dijalankan untuk menganalisis sifat morfologi bagi termoplastik terisi organo-montmorillonit. Sifat mekanikal dan terma dapat ditingkatkan dengan penambahan organo-montmorillonit dan agen penserasi. Ujian pencuacaan semulajadi, penuaan pengoksidaan terma dan penuaan higroterma telah dijalankan untuk mengkaji sifat-sifat jangka panjang bagi nanokomposit termoplastik terisi organo-montmorillonit.

1.0 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

1.1 Komposit Polimer

Komposit polimer mengandungi bahan polimer (termoplastik, termoset atau elastomer) dan bahan penguat. Komposit polimer masa kini luas digunakan dalam pelbagai aplikasi seperti kenderaan pengangkutan, bahan pembinaan, elektronik, barang senaman serta produk gunaan. Komposit polimer memberi gabungan sifat kekakuan dan kekuatan yang luar biasa. Sifat yang unik tersebut sukar diperolehi daripada komponennya sekiranya digunakan secara individu.

1.2 Nanokomposit Polimer

Nanokomposit merupakan satu jenis komposit yang baru diperkenalkan. Polimer terisi partikel nano ini mempunyai sekurang-kurangnya satu dimensi partikel terserak dalam julat nanometer. Nanokomposit dapat memaparkan sifat-sifat yang amat menarik seperti meningkatkan modulus dan kekuatan polimer, menambahkan suhu herotan haba, meningkatkan sifat mekanikal dan mengurangkan kebolehtelapan gas (Zanetti & Costa 2004; Sinha Ray & Okamoto, 2003; Li et al., 2005).

Terdapat tiga jenis nanokomposit yang boleh dihasilkan bergantung kepada dimensi penyerakan partikel dalam julat nanometer. Nanokomposit ini boleh dihasilkan dengan menggunakan cara (i) interkalasi polimer dan pre-polimer dalam larutan (ii) pempolimeran interkalatif insitu, dan (iii) teknik interkalasi leburan (Sinha Ray & Bousmina, 2005). Interkalasi leburan merupakan teknik yang paling digemari oleh para penyelidik dan pihak industri kerana kos pemrosesannya yang rendah dan produktiviti yang tinggi.

Sifat mekanikal boleh diperbaiki walaupun dengan pembebanan yang sedikit (≤ 5 wt.%). Keberkesanan penguatan nanokomposit dengan pembebanan sedikit boleh mencapai sifat komposit lazim dengan pembebanan 40-50% daripada pengisi klasik.

Saiz pengisi berskala nano memberi nisbah aspek yang tinggi dan luas permukaan yang tinggi untuk interaksi matrik/pengisi (Suprakas, 2005). Terdapat tiga jenis sistem komposit yang boleh dihasilkan berdasarkan darjah penyerakan partikel pengisi ke dalam matriks. Antara jenis sistem yang wujud termasuklah (i) sistem tak tercampur (ii) sistem interkalasi (iii) sistem exfoliasi (Joseph, 2006). Antara faktor yang mempengaruhi sistem komposit yang terhasil termasuklah teknik percampuran yang digunakan, parameter pemrosesan, kuantiti pembebanan pengisi dan sebagainya.

Pelbagai pengisi penguat bersaiz nano sedang dibangunkan sekarang, contohnya penyelidikan yang banyak dijalankan adalah jenis tanah liat silikat berlapis sebagai fasa penguat. Hal ini disebabkan kemudahan diperolehi, kos yang rendah dan kebolehan dikitar semula (Suprakas et. al., 2005). Tanah liat yang paling umum digunakan adalah organo montmorillonit (OMMT) yang merupakan satu jenis mineral aluminosilikat (aluminosilicate) (Yei et. al., 2004). Montmorillonit adalah antara silikat berlapis jenis smectite yang paling lazim digunakan untuk menghasilkan nanokomposit. Montmorillonit adalah merupakan sejenis mineral aluminosilikat dengan ion-lawan (counter ion) natrium hadir dalam lapisan (Yei et. al., 2004). Formula kimia bagi montmorillonit ialah $[M_x(Al_{4-x}Mg_x)Si_8O_{20}(OH)_4]$. 'M' adalah kation valensi tunggal yang berada dalam ruang antara kolong (intergallery) manakala 'X' ialah darjah penggantian isomorfus. Kekisi hablur silikat berlapis mengandungi lapisan dua dimensi. Terdapat beberapa lapisan organisasi dalam mineral tanah liat. Lapisan tetrahedron alumina atau magnesium di tengah disambung dengan dua lapisan tetrahedron silika. Ketebalan setiap lapisan tetrahedron tersebut adalah 1nm. Ketebalan lapisan adalah dalam lingkungan 1 nm. Lapisan-lapisan tersebut bertimbun dengan tersusun dengan pegangan daya van der waals yang digelar antara-lapis. Ruang antara lapisan adalah sekitar 0.96 nm (Wei et. al, 2003). Saiz partikel yang tipikal adalah dalam lingkungan 8-


10 μ m. Partikel dasar yang paling kecil terdiri daripada timbunan lamela selari dengan 15-20 lapisan per partikel dan dalam susunan 0.1-1 μ m (Bhiwankar et. al., 2006).

OMMT dipercayai dapat meninggikan sifat terma, mekanikal dan fizikal bagi sesetengah polimer. Walaubagaimanapun, kandungan OMMT yang terlalu tinggi dalam matrik polimer boleh menyebabkan penurunan sifat mekanikal polimer. Hal ini disebabkan oleh partikel OMMT berkecenderungan untuk membentuk aglomerat pada kepekatan yang tinggi. Pembentukan aglomerat disebabkan oleh pembentukan ikatan hidrogen antara kumpulan hidroksil pada partikel (Bikiaris et al., 2005). Penyebatian, interkalasi dan exfoliasi bagi OMMT di dalam polimer yang berpolar adalah lebih mudah berbanding dengan polimer tidak berpolar seperti polietilena, polipropilena dan polistirena. Maka, agen penyerasi yang bersesuaian diperlukan untuk meningkatkan penyerasian polimer dengan OMMT.

Beberapa kaedah telah dibangunkan untuk mensintesis komposit polimer/tanah liat bergantung kepada jenis tanah liat dan struktur kimia polimer yang diguna. Nanokomposit polimer/tanah liat yang pertama berjaya disintesis dengan polimer yang mengandungi kumpulan berpolar kerana kumpulan berpolar membenarkan penyerakan tanah liat dengan mudah (Lee, 2005). Walau bagaimanapun, tiga kaedah sintesis telah dicadangkan untuk polimer olefin iaitu pempolimeran in situ, kaedah larutan dan interkalasi leburan. Antara ketiga-tiga kaedah ini, interkalasi leburan adalah paling mudah dan lebih kos efektif untuk mensintesis nanokomposit (Ding, 2005; Osman, 2005a&b; Morawiec, 2005; Lee, 2005; Wang, 2004; Alexandre et. al, 2002; LeBaron, 1999).


Osman et.al (2005a) menyatakan bahawa satu nisbah luas keratan rentas kation kepada kawasan kebolehdapatan yang tinggi akan menyumbangkan kepada liputan permukaan yang sempurna dan "*d spacing*" yang besar memudahkan penyerakan pengisi. Tetapi walaupun dengan struktur kimia polimer dan mono-lapisan organik yang

serbasama, secara interkalasi leburan sepenuhnya tidak diperolehi. Langkah pertama untuk serakan tanah liat skala nano dalam polimer untuk membesarkan kelong dan padan dengan kepolaran polimer atau monomer supaya ia akan interkelat di antara lapisan. Ini boleh dilakukan dengan menukar kation organik kepada kation tak-organik. Kation organik yang lebih besar akan mengembangkan lapisan dan meningkatkan sifat hidrofobik tanah liat menghasilkan tanah liat terubahsuai (OMMT) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 (Ajayan et. al,2003). Polimer terinterkalasi dalam perumah lapisan seperti silikat berlapis telah terbukti menjadi satu sintesis yang berjaya kepada nanokomposit polimer silikat berlapis.



Rajah 1.1: Skema langkah asas dalam pemprosesan interkelasi leburan tanah liat dengan polimer (Ajayan et. al, 2003).

Kaedah interkalasi leburan ini mengadunkan leburan termoplastik dengan organosilikat untuk mengoptimumkan interaksi polimer silikat berlapis seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2. Campuran dinyepuhlindapan pada suhu melebihi suhu peralihan kaca (T_g) polimer untuk membentuk nanokomposit. Rantai polimer boleh melalui pemindahan jisim di antara lapisan silikat.



Rajah 1.2: Carta aliran untuk kaedah interkalasi leburan (Kornmann, 2001).

2. KAJIAN METODOLOGI DAN EKSPERIMEN

2.1 Bahan termoplastik

Polistirena (PS) yang digunakan dalam penyelidikan adalah dibekal oleh syarikat Petrochemical (M) Sdn. Bhd. Malaysia dengan nama dagang Idemitsu (GPPS 95-100). Index aliran leburan bagi polistirena adalah 7.18 g/10min (dengan pemberat 2.16 kg dan suhu 230 °C) dan ketumpatan 1.034 g/cm³. Termoplastik polietilena ketumpatan rendah (LDPE) dengan nama dagang TITANEX LI2516 yang dibekalkan oleh TITAN PETCHEM (M) Sdn. Bhd. LDPE mempunyai ketumpatan 0.918g/cm³ dan index aliran leburan (MFI) 25g/10min. Polipropilena (Propilenas) dibekalkan oleh Petronas (M) Sdn Bhd. Ketumpatan dan MFI bagi PP ialah 0.881g/cm³ dan 8.75g/10min, masing-masing. Poliamida 6 (Amilan CM1017) adalah dibekalkan oleh Toray Nylon Resin AMILAN, Japan. MFI dan ketumpatan PA6 ialah 35g/10min dan 1.14 g/cm³, masing-masing.

2.2 Organo-montmorillonit (OMMT)

OMMT (Nanomer 1.30P, Nanomer 1.30TC) dibekalkan oleh Nanocor Inc, USA. Kandungannya ialah 73-74% Montmorillonit dan 26-27% pengubahsuaian organik interlarut. Ketumpatan OMMT ialah 2.6 g/cm³.

2.3 Agen penyerasi

Stirena-etilena-butilena-stirena terangkai maleik anhidrida (SEBS-g-MAH) adalah dibekalkan oleh Kraton Polymer dengan nama dagangan polimer SEBS G (Thermoplastic Rubber-G). Kandungannya termasuk kopolimer terangkai stirena-etilena-butilena-stirena dan maleik anhidrida. Ketumpatannya adalah 300 - 400 kg/m³ pada suhu 20°C berdasarkan ASTM D-1895. Spesifik graviti adalah kurang daripada 1. Polietilena terangkai maleik anhidrida (PE-g-MAH) dibekalkan oleh Sigma Aldrich. PE-g-MAH mempunyai kandungan 3% maleik anhidrida. Polistirena terangkai maleik anhidrida (PS-g-MAH) dibekalkan oleh syarikat Sigma Aldrich. PS-g-MAH mengandungi 2wt% maleik anhidrida. Polipropilena terangkai maleik anhidrida (PP-g-MAH) yang dibekalkan oleh Eastman Chemical Co. mengandungi 1.47% maleik anhidrida.


2.2 Penyediaan komposit termoplastik terisi organo-montmorillonit

2.2.1 Pengeringan


Bahan termoplastik, OMMT dan agen penyerasi perlu dikeringkan dalam oven selama 16 jam pada 90°C. Langkah ini adalah penting untuk mengeluarkan lembapan.

2.2.2 Pengekstrudan

Komposit termoplastik/OMMT disediakan dengan pengekstrudan skru tunggal (Betol machining, England) (Rajah 2.1a) dan penggiling bergulung dua (Rajah 2.1b). Parameter pemrosesan adalah bergantung kepada jenis termoplastik yang digunakan.




Rajah 2.1a: Ekstruder skru tunggal (Betol).



Rajah 2.1b: Penggiling gulung dua (Labortex).

2.2.3 Pengacuanan mampatan

Spesimen termoplastik terisi OMMT dihasilkan dengan menggunakan mesin pengacuanan mampatan (Gotech GT-7014-A30C, Taiwan) (Rajah 2.2). Ketebalan spesimen ialah 3mm.



Rajah 3.2: Mesin pengacuanan mampatan Gotech.

2.2.4 Ujian-ujian pencirian termoplastik terisi OMMT

2.2.4.1 Ujian mekanikal

2.2.4.1a Ujian Tensil

Ujian tensil dilakukan dengan menggunakan mesin Instron model 3366 (Rajah 3.3) pada suhu bilik dengan menggunakan kelajuan kepala rentas 50 mm/min dan beban 50kg berdasarkan ujian piawai ASTM D638 untuk menyiasat sifat-sifat tensil (modulus, kekuatan tensil dan pemanjangan pada pemutusan) komposit termoplastik/OMMT. Sebanyak lima ujikaji dilakukan untuk setiap keadaan supaya keputusan yang jitu boleh diperolehi. Maklumat seperti tegasan, terikan dan modulus dapat dikirakan dengan menggunakan formula dibawah:


$$\text{Tegasan (MPa)} = \frac{\text{Beban (kg)}}{\text{Luas keratan rentas (m}^2\text{)}} \quad \text{Persamaan 2.1}$$

$$\text{Terikan (\%)} = \frac{L - L_0}{L_0} \times 100\% \quad \text{Persamaan 2.2}$$

$$\text{Modulus (MPa)} = \frac{\text{Tegasan (MPa)}}{\text{Terikan (m}^2\text{)}} \quad \text{Persamaan 2.3}$$

laitu,


L_0	=	Panjang di antara tanda pada spesimen asal
L	=	Panjang di antara tanda pada spesimen yang diregang sehingga putus



Rajah 3.3: Mesin Instron yang digunakan dalam ujian tensil.

2.2.4.1b Ujian pelenturan


Ujian pelenturan dilakukan berdasarkan ASTM D790 dengan mesin Instron-3366, USA (Rajah 3.3). Ukuran sampel yang disediakan dan parameter yang digunakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4.




Rajah 3.4: Ukuran sampel untuk ujian pelenturan.

2.2.4.1c Ujian hentaman

Ujian hentaman Izod tanpa takukan (un-notched) dijalankan untuk menilai kebolehan polimer menahan dan menyerap tenaga hentaman yang dikenakan dalam unit KJ/m^2 . Geometri sampel adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.5. Ujian hentaman dilakukan berdasarkan ASTM D256 dengan mesin hentaman Galdabini 1890 (Itali) seperti yang ditunjuk dalam Rajah 3.6.



Rajah 3.5: Dimensi sampel bagi ujian hentaman.




Rajah 3.6: Mesin hentaman model Galdabini 1890.

2.2.4.2 Ujian terma

2.2.4.2a Analisis termogravimetrik (TGA)

TGA (Perkin Elmer Pyris 6, USA)(Rajah 3.7) digunakan dalam analisis terma berdasarkan ASTM E914. Sampel dipanaskan dari suhu 30°C kepada 500°C dengan


kadar pemanasan 10 °C/min dalam kehadiran gas nitrogen. Tujuan utama analisis TGA adalah untuk mengesan suhu degradasi sampel, kandungan sampel, kandungan bahan meruap dan perubahan berat sampel semasa pemanasan.



Rajah 3.7: Mesin TGA Perkin Elmer Pyris 6.

2.2.4.2b Kalorimetri penskanan pembezaan (DSC)


DSC (Perkin Elmer Pyris 6, USA) (Rajah 3.8) digunakan dalam analisis terma. Sampel dibekalkan haba daripada suhu 30°C kepada 220°C dengan kadar pemanasan 10 °C/min. Penetapan (holding) dikenakan pada suhu 220°C lalu disejukkan daripada 220°C kepada 30°C dengan kadar yang sama. Seterusnya penetapan dikenakan selama 1 minit pada 30°C. Analisis ini dijalankan untuk menilai jumlah tenaga terserap dan tenaga terbebas semasa pemanasan berlaku ke atas sampel. Keputusan yang boleh diperolehi adalah seperti suhu peralihan kaca (T_g).



Rajah 3.8: Mesin DSC Perkin Elmer Pyris 6.

2.2.4.3 Penjelmaan fourier infra merah (FTIR)

FTIR (Perkin Elmer Spectrum One, USA) (Rajah 3.9) digunakan untuk menganalisis sampel. Jarak gelombang yang digunakan adalah dalam julat 4000 cm^{-1} - 400 cm^{-1} dengan empat kali imbasan dilakukan semasa ujian FTIR. Tujuan analisis ini dijalankan adalah untuk mengkaji kumpulan berfungsi yang hadir dalam komposit termoplastik/OMMT. Spektrum yang dihasilkan membantu dalam mengkaji jenis ikatan kimia dalam nanokomposit.




Rajah 3.9: Mesin FTIR Perkin Elmer Spectrum One.

2.2.4.4 Ujian morfologi

2.2.4.4a Ujian Mikroskop Penskanan Elektron Medan Emission (Field Emission Scanning Electron Microscope, FESEM)

Dalam eksperimen ini, permukaan patah bagi nanokomposit termoplastik/OMMT telah diperhatikan dengan menggunakan Mikroskop Penskanan Elektron Medan Pancaran (Zeiss Supra 35VP) (Rajah 3.10). Spesimen disalutkan dengan logam yang nipis sebelum diimbis oleh mesin untuk mengelakkan cas elektrostatik. Tujuan menjalankan ujian FESEM ialah mengkaji morfologi tahap penyebatian dan permukaan patah spesimen selepas menjalankan ujian pelenturan.



Rajah 3.10: Mikroskop Penskanan Elektron Medan Pancaran (Zeiss Supra 35VP).

2.2.4.4b TEM dan AFM

Mikroskopi elektron pancaran (TEM) dan mikroskopi daya atomik (AFM) telah digunakan untuk mengkaji penyerakan, interkalasi dan eksfoliasi OMMT dalam matrik termoplastik.

2.2.4.5 Penuaan pengoksidaan terma

Ujian penuaan haba dijalankan ke atas sampel termoplastik terisi OMMT berdasarkan ASTM D 3045-92. Sampel diletakkan dalam ketuhar pada suhu 100°C

selama 2-16 hari. Ujian hentaman dilakukan atas sampel setelah pendedahan kepada penuaan pengoksidaan terma


2.2.4.6 Ujian penyerapan air

Ujian penyerapan air dijalankan mengikut piawai ASTM570. Sampel dikering dalam oven vakum sehingga berat tetap didapatkan sebelum ujian ini dijalankan. Berat asal (W_0) bagi sampel perlu dicatatkan sebelum sampel tersebut direndamkan dalam tangki air. Ujian penyerapan dijalankan pada suhu 90°C selama 4 minggu. Setiap kali penentuan berat, sampel-sampel perlu dikeringkan dengan tuala bersih. Selepas itu, berat ditimbang (W_1). Peratusan penyerapan air dikira melalui persamaan 2.4.

$$\text{Peratusan penyerapan air} = \left[\frac{W_1 - W_0}{W_0} \right] \times 100\% \quad \text{-----(Persamaan 2.4)}$$

Setiap seminggu, sampel akan dikeluarkan daripada tangkungan air panas bagi setiap formulasi sampel. Sampel yang dikeluarkan akan ditimbang dan seterusnya ujian hentaman dijalankan ke atas dua set sampel, iaitu sampel basah dan sampel yang dikeringkan. Ujian hentaman bagi sampel basah akan terus dilakukan selepas ditimbang manakala sampel kering akan dihentam selepas dikeringkan pada suhu 60°C selama 24jam. Rajah 3.11 menunjukkan tangkungan air panas (Mimmert berasal Germany).


Perpustakaan Kampus Kejuruteraan
Bhg. Bahan Bersiri dan Dokumen
Universiti Sains Malaysia
Kampus Kejuruteraan, Seri Ampangan
14300 Nibong Tebal, S.P.S.
PULAU PINANG



Rajah 3.11: Tungkungan air panas (Memmert, Germany)

2.2.4.7 Ujian pencuacaan semulajadi

Ujian pencuacaan semulajadi dijalankan mengikut ASTM 1435. Spesimen diletakan pada pemegang rak. Permukaan rak perlu dicondongkan tepat bersudut 45° dari menengak untuk menghadapi pancaran matahari. Rak itu perlu diletak pada satu kawasan lapangan supaya pancaran matahari dipancar terus ke permukaan sampel. Sampel akan didedahkan kepada pengaruh persekitaran seperti hujan, cahaya matahari, angin, lembapan dan sebagainya. Sampel akan dikutip setiap minggu bagi tempoh sebulan untuk menentukan kesan degradasi terhadap kekuatan hentaman bagi komposit termoplastik terisi¹OMMT. Ujian hentaman Izod (tanpa takuk) dilakukan atas sampel termoplastik setelah pendedahan kepada pencuacaan semulajadi. Rajah 3.12 menunjukkan rak ujian pencuacaan semulajadi yang mecondngkan sampel



Rajah 3.12 Rak ujian pencuacaan semulajadi yang mecondongkan sampel supaya permukaan sampel bersudut 45° dari paksi menegak

3. LAPORAN TEKNIKAL

3.1 Polipropilena (PP)

3.1.1 Kajian persuratan Nanokomposit polipropena /organo-montmorilonit (PP/OMMT)

Polipropilena (PP) merupakan bahan termoplastik komoditi yang semakin penting kini kerana sifat-sifatnya yang baik seperti kebolehpemprosesan, rintangan air, suhu peleburan yang tinggi,¹ sifat kekuatan tensil, ketegaran, kekerasan dan nisbah kekuatan kepada berat yang tinggi. Organo-montmorilonit (OMMT) pula merupakan tanah liat silikat yang semakin diberikan perhatian kerana penguatannya sebagai pengisi berskala nano yang baik dengan pembebanan yang sedikit (Karian, 2003). Banyak kajian telah dijalankan terutamanya penyelidikan nanokomposit PP/OMMT kerana dijangkakan bahawa dengan penambahan pengisi bersaiz nano ini, produk yang mempunyai sifat-sifat mekanikal dan terma yang lebih baik dapat dihasilkan.

Daripada kajian-kajian yang dijalankan ke atas nanokomposit PP/OMMT, didapati bahawa nanokomposit PP/OMMT memang memberikan sifat-sifat yang agak baik termasuk kekuatan modulus, kekuatan hentaman, suhu penguraian, kekuatan pelenturan, modulus pelenturan yang meningkat (Zhou et al., 2005). Selain itu, terdapat juga penyelidikan dijalankan untuk mengkaji kesan keadaan pemrosesan terhadap atas nanokomposit PP/OMMT dan kaedah-kaedah penyediaan nanokomposit PP/OMMT. Secara amnya, kaedah yang paling lazim digunakan untuk pemrosesan nanokomposit PP/OMMT ialah kaedah interkalasi leburan. Kebanyakan penyelidik melakukan kajian ke atas sifat mekanikal nanokomposit PP/OMMT dan lazimnya agen penserasi yang sesuai akan ditambahkan. Agen penserasi yang biasa digunakan ialah polipropena terangkai maleik anhidrida (PPgMAH). Namun, terdapat juga penyelidik mengkaji bahan lain yang dapat menggantikan agen penserasi dalam penghasilan nanokomposit PP/OMMT, contohnya menggunakan agen pengkupel atau agen pembengkakan.

3.1.2 Ringkasan kajian penyelidikan PP/OMMT

Dalam kajian penyelidikan yang dijalankan, satu siri komposit polipropilena/organo-montmorilonit (PP/OMMT) yang mengandungi 1-5 wt% OMMT telah disediakan dengan menggunakan kaedah penyebatan leburan. Kaedah penyebatan leburan dijalankan menggunakan ekstruder skru tunggal. Sifat fizikal bagi komposit PP/OMMT telah ditentukan melalui ujian ketumpatan. Sifat mekanikal komposit PP/OMMT telah dikaji dengan ujian pelenturan dan kekerasan. Morfologi komposit telah diperhatikan dengan mikroskop elektron pensakanan (SEM) dan mikroskop elektron pensakanan *field emission* (FESEM). Sifat terma komposit PP/OMMT telah diperoleh menerusi analisis termogravimetri (TGA) dan pembezaan pensakanan kalorimetri (DSC). Spektroskopi infra merah terjelma Fourier (FTIR) telah digunakan untuk mengkaji kehadiran kumpulan-

kumpulan berfungsi yang bertanggungjawab dalam tindak balas di antara matriks PP dan pengisi OMMT. Kekuatan dan kekakuan komposit PP/OMMT telah meningkat secara mendadak dengan penambahan OMMT. Satu pembebanan optima bagi komposit PP telah diperhatikan, iaitu pada pembebanan OMMT 2% yang seimbang dalam sifat modulus, kekuatan, kekerasan dan keliatan. Mikrograf-mikrograf FESEM dan SEM menunjukkan kegagalan mulur dengan permukaan berfibril berlaku pada komposit dengan 2% OMMT. Sebaliknya, kegagalan rapuh dengan permukaan kasar pada komposit dengan 5% OMMT. 5 dan 10 bsg agen penserasi polipropilena tercangkuk maleik anhidrida (PPgMAH) kemudian ditambahkan ke dalam komposit PP/OMMT yang mempunyai pembebanan optima iaitu 2%. Penambahan PPgMAH hanya boleh mengekalkan sifat mekanikal tetapi mengurangkan sifat terma komposit PP/OMMT/PPgMAH. Hal ini telah ditunjukkan dengan penurunan dalam suhu penguraian dan suhu onsets degradasi dalam komposit. Walau bagaimanapun, darjah penghabluran komposit PP/OMMT ditingkatkan dengan penambahan agen penserasi PPgMAH berbanding PP tulen. Kumpulan-kumpulan berfungsi pada permukaan OMMT dan matriks PP yang bertindak balas dengan PPgMAH ditunjukkan menggunakan spektra FTIR.

3.2 Polietilena (PE)

3.2.1 Kajian persuratan nanokomposit LDPE/OMMT

Polietilena ketumpatan rendah (LDPE- *Low Density Polyethylene*) merupakan bahan pembungkusan yang digunakan secara meluas, ia mempunyai tarikan unik sebagai penyediaan nanokomposit disebabkan oleh peningkatan dalam sifat penapisan. Polietilena adalah polimer lentur yang tidak berketub, maka, pengisi montmorilonit (MMT) tidak mudah berserak secara homogen dalam polietilena. Secara umumnya, montmorilonit akan dimodifikasi dengan ammonium alkil untuk menghasilkan interaksi

dengan polimer kerana alkil ammonium menjadikan permukaan MMT organofilik lebih bersifat hidrofilik. Keadaan ini akan dapat membentuk organo-modifikasi montmorilonit (OMMT-*Organo-modified Montmorillonite*). Namun, OMMT tidak dapat berserak dengan baik dalam polietilena yang tidak berkutub, kerana polimer tidak berkutub ini masih terlalu hidrofobik. Maka, nanokomposit polimer-tanah liat tak berkutub disediakan dengan campuran leburan berasaskan pengenalan oligomer yang dimodifikasi untuk menyekatakan kekutuban antara permukaan tanah liat dengan polimer, seperti polipropilena tercantum maleik anhidrida/tanah liat dan polietilena tercantum maleik anhidrida /tanah liat (Song, 2002; Morawiec, 2005).

LDPE merupakan bahan pembungkusan yang paling banyak digunakan, ia merupakan satu tarikan untuk menghasilkan nanokomposit berasaskannya disebabkan oleh sifat ketelapan yang penting. Namun, maklumat tentang nanokomposit LDPE/tanah liat dengan menggunakan agen penserasi polietilena tercangkuk maleik anhidrida (PE-g-MAH) adalah kurang. Terdapat beberapa kajian menunjukkan peningkatan sifat-sifat mekanikal dengan penambahan partikel pengisi yang kaku dalam sesetengah sistem komposit, contohnya, polipropilena (PP) berpengisi dan polietilena (PE) berpengisi. Namun, bagi nanokomposit berasaskan LDPE, didapati keberkesanan tanah liat mengexfoliasi dalam LDPE matriks adalah lebih sukar berbanding dengan sistem yang berasaskan polietilena ketumpatan tinggi (HDPE), kerana rantai polimer makromolekul LDPE yang bercabang lebih sukar menyusuk ke dalam galeri tanah liat dan menghalang kemasukan partikel pengisi tanah liat antara rantai polimer (Morawiec, 2005).

Nanokomposit LDPE/OMMT dengan PE-g-MAH yang mempunyai sifat tensil yang sebaik dengan LDPE asal boleh didapati dengan pancampuran leburan dengan menggunakan penyediaan kelompok induk (*master batch*) penserasi PE-g-MAH dengan pengisi OMMT. Komposit LDPE/OMMT tanpa agen penserasi mengalami pematahan pada awal penarikan disebabkan oleh sifat ketidakhomogenan dan partikel tanah liat

tidak mengexfoliasi dalam sistem komposit. Kestabilan terma juga tidak diperbaiki. Tetapi, sifat mekanikal sistem komposit bukan sahaja disumbang oleh exfoliasi tanah liat dalam sistem dan kandungan pengisi, kehadiran bilangan agen penserasi dalam kuantiti yang tertentu turut penting.

Dalam projek penyelidikan ini, LDPE dipilih sebagai matriks untuk komposit kerana ia mempunyai sifat keelastikan yang tinggi, kapasiti penghantaran cahaya yang luas dan keterlenturan yang bagus. Pengisi tanah liat OMMT dipilih dalam projek penyelidikan ini disebabkan ia mempunyai sifat-sifat yang lebih unggul dan nisbah bidang yang lebih tinggi daripada tanah liat yang biasa digunakan. Pengisi OMMT juga boleh digunakan untuk menghasilkan struktur nanokomposit yang mempunyai pengisi yang berinterkalasi atau mengexfoliasi dalam matriks polimer. Agen penserasi PE-g-MAH digunakan kerana ia terdiri daripada dua bahagian komponen, iaitu bahagian maleik anhidrida yang berupaya bertindak balas dengan pengisi OMMT yang berketub dan bahagian PE yang serasi dengan matriks LDPE dan mempunyai sifat yang hampir sama dengannya. Hal ini dapat memperbaiki interaksi antara pengisi OMMT dan matriks LDPE yang kurang serasi.

3.2.2 Ringkasan kajian penyelidikan PE/OMMT

Kaedah penyebatian leburan digunakan untuk menyediakan komposit polietilena ketumpatan rendah (LDPE)/polietilena tercangkuk maleik anhidrida (PE-g-MAH)/organo-modifikasi montmorilonit (OMMT). Pada fasa pertama, komposit LDPE/OMMT dengan pembebanan pengisi OMMT yang berbeza iaitu 0, 1, 2, 3, 4 dan 5wt% disediakan dengan menggunakan mesin pengestrudaan skru tunggal. Untuk fasa kedua, komposit LDPE/PE-g-MAH/OMMT dengan penambahan PE-g-MAH (0, 5 dan 10bsg) sebagai agen penserasi disediakan dengan menggunakan mesin penggiling bergulung dua. Kesan pembebanan OMMT serta PE-g-MAH terhadap sifat fizikal, sifat tensil, sifat

terma, interaksi partikel/matriks dan morfologi kepada sistem komposit yang dihasilkan dikaji dengan menggunakan index aliran leburan (MFI), ujian ketumpatan, ujian kekerasan, ujian pengabuan, mesin Pengujian Universal Instron, kalorometri penskanan pembezaan (DSC), analisa termogravimetrik (TGA), jelmaan fourier infra-merah (FTIR) serta pancaran medan mikroskop elektron penskanan (FESEM). Keputusan pada fasa pertama menunjukkan bahawa ketumpatan dan kekerasan bagi komposit LDPE/OMMT meningkat dengan peningkatan pembebanan pengisi OMMT kerana sifat kekakuan pengisi OMMT. Penambahan sifat kekakuan pengisi OMMT dalam sistem komposit dapat meningkatkan modulus komposit LDPE/OMMT tetapi menurunkan pemanjangan pada pemutusan kerana mobiliti rantai polimer terhalang. Peningkatan kekuatan tensil dapat dicapai dalam pembebanan pengisi optimum, iaitu diperolehi dengan kemasukan 2wt% pengisi OMMT dalam matriks LDPE yang memberi sifat interaksi LDPE/OMMT yang baik. Kesan interaksi LDPE/OMMT semakin menurun dengan peningkatan kandungan pengisi OMMT, ini dapat diperhatikan dalam mikrograf FESEM, iaitu pengaglomeratan wujud dalam pembebanan pengisi 3–5wt% OMMT. Dalam fasa kedua, ketumpatan dan kekerasan menurun dengan peningkatan pembebanan agen penserasi PE-g-MAH. Kekuatan tensil dan pemanjangan pada pemutusan diperbaiki dengan 10bsg agen penserasi PE-g-MAH disebabkan oleh interaksi LDPE/OMMT dan darjah penyerakan yang baik. Suhu penghabluran dan darjah kehabluran LDPE/5PE-g-MAH/2OMMT lebih rendah daripada komposit LDPE/2OMMT kerana sifat pemplastikan PE-g-MAH yang menurunkan kesan penyusunan rantai polimer. Sifat rintangan terma komposit dapat diperbaiki, iaitu suhu *onset* dan suhu dekomposisi untuk LDPE/10PE-g-MAH/2OMMT adalah lebih tinggi daripada komposit LDPE/5PE-g-MAH/2OMMT dan LDPE/2OMMT kerana kesan interaksi LDPE/OMMT yang baik. Darjah penyerakan pengisi OMMT serta sifat antaramuka antara pengisi OMMT dan matriks LDPE juga diperbaiki selepas

penambahan PE-g-MAH, ini dapat dibuktikan dengan morfologi struktur yang diperoleh oleh FESEM dan kumpulan berfungsi yang wujud dalam spektrum FTIR.

3.3 Polistirena (PS)

3.3.1 Kajian persuratan nanokomposit PS/OMMT

Akelah & Moet (1996) dan Moet et al (1993) menyediakan polistirena-montmorilonite nanokomposit dengan menggunakan pelarut organik, di mana polistirena nanokomposit interkalasi menghasilkan d_{001} -jarak 2.45 nm. Dalam laporan Periyayya et al (2005) kekuatan tensil dan modulus ditingkatkan dengan penambahan tanah liat sehingga 3%, tetapi pemanjangan pada takat putus jatuh dengan penambahan kandungan tanah liat. Selain itu, Periyayya et al (2005) juga melaporkan bahawa suhu penguraian PS/MMT meningkat dengan kandungan tanah liat. Suhu peralihan kaca (T_g) bagi nanokomposit PS meningkat 5-6°C dengan penambahan 1-3% MMT. Periyayya et al (2005) telah melaporkan bahawa modulus Young bagi HIPS/MMT menambahbaikan sebanyak 53% dengan kehadiran tanah liat berbanding dengan resin HIPS, hal ini adalah disebabkan oleh kesan daripada penyerakan tanah liat dan teknik penyediaan nanokomposit ialah penambat pemula radikal kation-MMT hybrid (*anchored cationic radical initiator-MMT hybrid*). Nanokomposit PS/organo-tanah liat berstruktur interkalasi didapati bahawa mempunyai kestabilan terma yang lebih baik daripada PS tulen. Struktur dan sifat surfaktan memainkan peranan dalam menentukan sifat komposit yang dihasilkan. Eksfoliasi PS/MMT memaparkan penambahbaikan pada sifat modulus, suhu peralihan kaca yang lebih tinggi dan kestabilan terma yang lebih baik berbanding dengan PS tulen dan komposit PS/MMT terinterkalasi (Li et al, 2005).

Polistirena ialah polimer tidak berpolar dan ini menyebabkan interaksinya dengan OMMT adalah lemah. Keadaan ini mungkin boleh menghadkan penyerakan kehomogenan OMMT dalam matrik PS. Oleh itu, agen penyerasi perlu ditambahkan

demikian meningkatkan keserasian PS dan OMMT. Agen penyerasi yang digunakan dalam projek penyelidikan ini ialah stirena-etilena-butilena-stirena tercangkuk maleik anhidrida (SEBS-gMAH). Agen penyerasi ini dapat meninggikan penyerakan OMMT dalam polimer tidak berpolar seperti PS dan poliolefin. Kehadiran agen penyerasi juga dapat menambahbaikkkan penyerasian dalam nanokomposit menghasilkan exfoliasi dalam polimer-tanahliat (Bafna et al., 2003 ; Osman et al., 2005 ; Wang, 2001 ; Lebaron, 1999).

Agen penyerasian membenarkan silikat berlapis menyahlapisan dalam matrik polimer (Osman et al., 2005 ; Wang, 2001). Kumpulan maleik anhidrida boleh menginterkalasi di antara lapisan OMMT dan bertindak balas dengan kumpulan berfungsi pada permukaan OMMT dan memecahkan struktur aglomerat partikel OMMT atau mengurangkan saiznya. Justeru itu, ia memudahkan interkalasi bagi polimer tak berpolar dengan tanah liat dengan membentuk satu interaksi yang lebih kuat (Bafna et al, 2003).

Agen penyerasi polistirena tercangkuk maleik anhidrida (MAHgPS) ditambahkan ke dalam sistem polimer untuk meningkatkan keserasian komposit PS/OMMT dan dipercayai bahawa MAHgPS boleh memberikan penyerakan pengisi yang lebih baik. Kumpulan maleik anhidrida boleh menginterkalasi ke antara lapisan OMMT dan bertindak balas dengan kumpulan berfungsi pada permukaan OMMT dan memecahkan struktur aglomerat atau mengurangkan saiznya.

3.3.2a Ringkasan kajian penyelidikan PS/MAHgPS/OMMT

Dalam kajian yang dijalankan, satu siri komposit polistirena/montmorillonite (PS/OMMT) yang mengandungi 1, 2, 3, 4, 5wt% partikel OMMT telah disediakan dengan menggunakan teknik penyebatian leburan. Penyebatian leburan dijalankan dengan menggunakan pengestrud berskru tunggal dan penggiling penggulung dua. Sifat mekanikal komposit ditentukan melalui ujian pelenturan. Sifat pelenturan seperti

modulus pelenturan, kekuatan pelenturan dan terikan alah pelenturan adalah dipengaruhi oleh pembebanan partikel OMMT dalam komposit. Modulus pelenturan didapati meningkat secara linear dengan penambahan pembebanan OMMT. Dalam sifat kekuatan pelenturan, pembebanan optimum diperhatikan dalam keputusan terletak pada sampel yang mengandungi 2wt%. Pada pembebanan OMMT yang lebih tinggi, aglomerat yang besar diperhatikan. Aglomerat ini menyebabkan kejatuhan dalam kekuatan pelenturan. Sifat morfologi komposit telah dikaji dengan menggunakan Mikroskop Penskanan Elektron medan *Emission (FESEM)*. Pemerhatian menunjukkan OMMT tidak diserak dengan baik dan membentuk aglomerat yang besar apabila pembebanan OMMT melebihi 2wt%. Spektroskop Infra-merah Terjelma Fourier (*FTIR*) digunakan untuk mengkaji kehadiran rantai ikatan kimia yang terbentuk antara tindak balas partikel OMMT dan matriks PS. Didapati tiada ikatan kimia yang wujud dalam spektra FTIR. Keputusan ini membuktikan tiada interaksi antara OMMT dan matriks PS. Polistirena tercangkuk maleik anhidrida (MAHgPS) digunakan untuk menyerasikan komposit PS/OMMT. Modulus pelenturan menurun dengan peningkatan pembebanan MAHgPS, manakala kekuatan pelenturan dan terikan alah pelenturan didapati bertambah baik dengan peningkatan pembebanan MAHgPS. Penambahbaikan dalam sifat mekanikal adalah disebabkan oleh penurunan saiz partikel OMMT. Keputusan ini dibuktikan dengan menggunakan mikrograf FESEM. Saiz OMMT yang ditunjukkan pada mikrograf ialah 1 μ m berbanding dengan 20 μ m daripada OMMT tulen. Keserasian komposit PS/OMMT menunjukkan penyerakan OMMT yang homogenus memberikan sokongan kepada penambahbaikan dalam sifat mekanikal komposit. Pembuktian untuk tindak balas antara kumpulan berfungsi pada permukaan OMMT dan kumpulan maleik anhidrida pada MAHgPS boleh didapati melalui spektra FTIR. Tindak balas kimia yang mungkin berlaku antara MAHgPS dan OMMT telah dicadangkan. Penambahbaikan sifat terma komposit PS/OMMT telah dicirikan dengan menggunakan Analisis

Termogravimetrik (*TGA*) dan Pembezaan Penskanan Kalorimetri (*DSC*). Kestabilan terma bagi komposit PS/OMMT/MAHgPS adalah lebih tinggi berbanding dengan PS tulen. Suhu dekomposisi bagi 5wt% MAHgPS adalah lebih tinggi daripada 10wt% MAHgPS. Dalam keputusan *DSC*, OMMT tidak memberikan kesan terhadap peningkatan suhu peralihan kaca. Suhu peralihan kaca komposit PS/OMMT hanya ditingkatkan dengan kehadiran MAHgPS. Penambahan 5wt% MAHgPS memberi keputusan yang lebih baik kerana sifat mekanikal dan terma yang diperolehi adalah lebih baik berbanding 10wt% MAHgPS.

3.3.2b Ringkasan kajian PS/SEBSgMAH/OMMT

Dalam kajian penyelidikan ini, satu siri komposit polistirena/montmorillonite (PS/OMMT) yang mengandungi 2, 4, 6, 8, 10wt% OMMT telah disediakan dengan menggunakan teknik penyebatian leburan. Peyebatian leburan ini dijalankan melalui pengekrud skru tunggal. Sifat mekanikal bagi komposit PS/OMMT diuji dengan menggunakan ujian pelenturan dan ujian kekuatan hentaman Izod. Peratusan OMMT yang optimum telah ditentukan berdasarkan sifat-sifat pelenturan dan kekuatan hentaman. Kekuatan pelenturan, anjakan pelenturan, dan keliatan menurun manakala modulus pelenturan meningkat apabila komposisi OMMT dalam matrik PS meningkat. Bagi ujian kekuatan hentaman Izod, sifat kekuatan hentaman menurun apabila penambahan OMMT dalam matrik PS. Peningkatan peratusan OMMT meningkatkan kecenderungan pembentukan aglomerat yang menjadi tumpuan tegasan dalaman. Peratusan OMMT yang optimum dicapai pada 2wt% kerana sifat mekanikal komposit PS yang seimbang diperolehi. Fasa seterusnya ialah penambahan agen penyerasi SEBS-g-MAH dalam komposit PS/OMMT (2%) dalam julat kandungan 0 bsg hingga 15 bsg. Ujian kekuatan hentaman dan ujian pelenturan dijalankan untuk menentukan sifat mekanikal. Penambahan SEBS-g-MAH dalam komposit ini menurunkan modulus pelenturan manakala meningkatkan kekuatan

alah, keliatan, anjakan pelenturan dan kekuatan hentaman. Penurunan modulus disebabkan oleh sifat keliatan SEBS-g-MAH. Malahan modulus bagi SEBS-g-MAH adalah lebih rendah berbanding dengan PS dan OMMT. Peningkatan keliatan dan kekuatan hentaman disebabkan oleh komponen elastomer menyumbang kepada kelenturan, keliatan dan sifat elastik. Morfologi dan mikrostruktur bagi permukaan patah ujian pelenturan telah dianalisis dengan FESEM. Didapati mikro kaviti fasa elastomer yang banyak terdapat pada komposit PS/OMMT/SEBS-g-MAH 15 bsg. Mikrostruktur yang sedemikian dipercayai ialah sumbangan untuk sifat keliatan. Kajian seterusnya ialah ujian terma bagi komposit PS/OMMT/SEBS-g-MAH. Ujian DSC dijalankan untuk menentukan suhu peralihan kaca (T_g) bagi PS, komposit PS/OMMT 2% dan komposit PS/OMMT/SEBS-g-MAH. Pembebanan OMMT dalam matrik PS meninggikan T_g dari 100.3°C ke 103.5°C. Penambahan SEBS-g-MAH menurunkan T_g bagi komposit PS/OMMT. Bagi ujian TGA, penambahan pengisi OMMT sebanyak 2wt% dalam matrik PS memberi peningkatan suhu dekomposisi sebanyak 7.8%. Apabila pembebanan SEBS-g-MAH 5 bsg ke dalam komposit PS/OMMT, suhu dekomposisi telah diturunkan sebanyak 2.8% berbanding dengan komposit PS/OMMT. Spektra FTIR memberi puncak jalur penyerapan pada 1802 cm^{-1} yang merupakan kumpulan karbonil (C=O) yang terdapat pada SEBS-g-MAH. Untuk kumpulan siloxi (Si-O) pula wujud pada setiap komposit PS/OMMT iaitu terletak pada jalur penyerapan 2960-2990 cm^{-1} . Sifat komposit PS dipertingkat adalah akibat peningkatan interaksi PS dan OMMT. Sifat terma komposit PS/OMMT dikaji melalui TGA, DSC. Sifat terma komposit PS/OMMT didapati diperbaiki dengan penambahan OMMT kerana satu lapisan arang terbentuk pada suhu tinggi. Lapisan arang yang terbentuk bertindak sebagai pelindung kepada komposit PS. Ujian penuaan higroterma (penyerapan air pada suhu 90°C) dijalankan sebanyak 4 minggu, pembebanan OMMT ke dalam matrik PS meninggikan penyerapan air kerana OMMT mempunyai kumpulan silano (Si-OH) yang bersifat hidrofilik yang cenderung

menarik molekul air. Bagi pembebanan SEBS-g-MAH dalam komposit PS/OMMT, kadar penyerapan air lebih tinggi daripada komposit PS/OMMT. Peningkatan kadar penyerapan air komposit PS/OMMT/SEBS-g-MAH adalah disebabkan oleh kumpulan maleik anhidrida yang bersifat hidrofilik daripada segmen maleik anhidrida dalam SEBS-g-MAH. Bagi ujian pencuacaan semulajadi, kekuatan hentaman didapati menurun mengikut tempoh ujian pencuacaan. Kekuatan hentaman menurun disebabkan oleh degradasi berlaku pada agen penyerasi SEBS-g-MAH. Degradasi yang berlaku telah menghasilkan mikro-retakan. Mikro-retakan ini akan menjadi tumpuan tegasan dalaman yang lemah pada sampel. Oleh itu, kekuatan hentaman bagi komposit PS/OMMT/SEBS-g-MAH akan menurun selepas didedahkan kepada ujian pencuacaan semulajadi. Ujian penuaan pengoksidaan terma (TOA – Thermal Oxidative Aging) dilakukan ke atas komposit PS/OMMT. Sifat mekanikal komposit PS/OMMT selepas pendedahan kepada suhu tinggi dikaji dengan menjalankan ujian hentaman. Sifat PS/OMMT didapati merosot dengan peningkatan tempoh pendedahan kepada suhu tinggi. Keadaan ini adalah disebabkan kerana kehadiran oksigen pada persekitaran dan juga suhu tinggi telah mempercepatkan degradasi komposit PS/OMMT.

RUJUKAN

- Ajayan Pulickel M., Schaddler Linda S., Braun Paul V. (2003). *Nanocomposite Science and Technology*, Germany: Wiley-Vch Verlag GmbH.
- Akelah A & A.Moet (1996), J.Maer.Sci. Organophilic rubber-montmorillonite nanocomposites. *Materials Letters*, Volume 22, Issues 1-2, January 1996, Pages 97-102
- Alexandre Michaël, Dubois Philippe, Sun Tao, Garces Juan M. and Jérôme Robert. (2002). Polyethylene-layered silicate nanocomposites prepared by the polymerization-filling technique: synthesis and mechanical properties. *Journal Polymer*. 43(8), 2123-2132
- Bafna A., Beaucage G., Mirabella F., Mehta. S. (2003). 3D Hierarchical orientation in polymer-clay nanocomposite films. *Journal Polymer*. 44, 1103-1115
- Bhiwankar Nikhil N., Weiss R.A. (2006) *Melt Intercalation/exfoliation of Polystyrene-sodium-montmorillonite nanocomposites using Sulfonated Polystyrene Ionomer Compatibilizer*. *Polymer* 47 (2006) 6684-6691
- Bikiaris D., Prinós J., Koutsopoulos K., Vouroutzis N., Pavlidou E., Frangi N. & Panayiotou C. (1998). LDPE/plasticized starch blends containing PE-g-MA copolymer as compatibilizer. *Polymer Degradation and Stability* 59, 287-291.
- Ding Chao, Jia Demin, He Hui, Guo Baochun and Hong Haoqun. (2005). How organo-montmorillonite truly affects the structure and properties of polypropylene. *J. Polymer Testing*. 24(1), 94-100
- Joseph H.Koo (2006). *Polymer nanocomposites: Processing, Characterization, and Applications*. New York: McGraw-Hill.
- Karian H.G. (2003). *Handbook of polypropylene and polypropylene composites, 2nd edition*, revised and expanded. Marcel Dekker, Inc.
- Kornmann Xavier (2001). *Synthesis and Characterisation of Thermoset-Layered Silicate Nanocomposites*, Sweden: Luleå Tekniska Universitet.
- LeBaron Peter C., Wang Zhen and Pinnavaia Thomas J. (1999). Polymer-layered silicate nanocomposites: an overview. *J. Applied Clay Science*. 15(1-2), 11-29
- Lee Jennifer A., Kontopoulou Marianna, Parent J. Scott. (2005). Synthesis and characterization of polyethylene-based ionomer nanocomposites. *J. Polymer*. 46, 5040-5049.
- Lee Joong-Hee, Jung Daeseung, Hong Chang-Eui, Rhee Kyong Y. and Advani Suresh G. (2005). Properties of polyethylene-layered silicate nanocomposites prepared by melt intercalation with a PP-g-MA compatibilizer. *J. Composites Science and Technology*. 65(13), 1996-2002.

- Li, YunZhao Yu, Yukun Yang (2005) *Synthesis of Exfoliated Polystyrene/Montmorillonite Nanocomposite by Emulsion Polymerization Using a Zwitterions as The Clay Modifier*. *European Polymer Journal* 41 (2005) 2016-2022
- Moet A and A.Akelah, Mater.lett (1993) Polymer-clay nanocomposites: polystyrene grafted onto montmorillonite interlayers. *Materials Letters*, Volume 18, Issues 1-2, November 1993, Pages 97-102
- Morawiec J., Pawlak A., Slouf M., Galeski A., Piorkowska E. and Krasnikowa N. (2005). Preparation and properties of compatibilized LDPE/organo-modified montmorillonite nanocomposites. *European Polymer Journal*. 41(5), 1115-1122
- Osman Maged A., Rupp Jörg E.P. and Suter Ulrich W. (2005a). Tensile properties of polyethylene-layered silicate nanocomposites. *J. Polymer*. 46(5), 1653-1660.
- Osman Maged A., Rupp Jörg E.P. and Suter Ulrich W. (2005b). Effect of non-ionic surfactants on the exfoliation and properties of polyethylene-layered silicate nanocomposites. *J. Polymer*. 46(19), 8202-8209.
- Periyayya Uthirakumar, Min-Ki Song, Changwoon Nah, YounSik Lee (2005). Preparation and characterization of exfoliated polystyrene/clay nanocomposites using a cationic radical initiator-MMT hybrid. *European Polymer Journal* 41 (2005) 211–217
- Periyayya Uthirakumar, Yoon Bong Hahn, Kee Suk Nahm, Youn-Sik Lee (2005) Exfoliated high-impact polystyrene/MMT nanocomposites prepared using anchored cationic radical initiator–MMT hybrid. *European Polymer Journal* 41 (2005) 1582–1588
